

Jangan soal pemindahan teknologi—PM

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menggesa rakyat supaya jangan terlalu mempersoalkan keengganan pihak lain memindahkan teknologinya ke negara ini tetapi hendaklah menumpukan perhatian mereka kepada beberapa bidang tertentu.

Perdana Menteri berkata, rakyat negara ini telah berjaya dalam bidang perladangan dan oleh itu tidak ada sebab mereka tidak boleh melaksanakannya dalam bidang-bidang industri lain.

Bellau menyatakan demikian ketika berucap selepas menerima Fellowship Kehormat di jamuan tahunan dan malam Fellowship (Zamalah) Institut Pengarah-Pengarah Malaysia, di sini.

Katanya, rakyat perlu bertanya diri sendiri mengapa perturbation industri milik tempatan

yang menggunakan teknologi-teknologi baru masih belum memuaskan walaupun dasar-dasar perindustrian yang pragmatik sudah dilaksanakan sejak merdeka dan banyak usaha sama yang menghasilkan pelaburan baru diadakan.

"Ini mungkin disebabkan orang-orang asing enggan memindahkan teknologi mereka.

"Tetapi, kita mesti mengakui bahawa sebilangan negara perindustrian baru sudah dapat memiliki dan menggunakan teknologi baru itu dengan usaha mereka sendiri," ujarnya.

Menurut Perdana Menteri, rakyat harus bertanya mengapa mereka nampaknya tidak dapat memiliki teknologi yang diperolehi oleh Jepun, Korea, Taiwan, Hong Kong dan juga Singapura.

"Adakah ia disebabkan kita ditindas atau adakah ia kerana pendekatan atau kesediaan kita untuk menerima teknologi baru salah?"

"Kalau orang asing yang kurang biasa dengan undang-undang dan pentadbiran negara ini boleh datang ke sini dan menggunakan tenaga pekerja tempatan untuk membina bangunan dan lebih cepat dan baik dari kita, adakah ia disebabkan mereka mempunyai teknologi rahsia atau kerana kita merasa cara kita lebih baik dan tidak ada yang perlu dipelajari dari orang lain?" Tambahnya.

Muka 19 Ruang1

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Siap sedia hadapi tugas lebih berat

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Dari Muka 1

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, rakyat perlu menanyakan persoalan-persoalan itu pada diri sendiri kerana negara ini bukan tidak mempunyai teknologinya sendiri.

Menurutnya, kesiediaan untuk belajar, mempunyai sikap ingin tahu dan ketekunan perlu ada bagi mengatasi masalah itu.

Belliau berkata, soalan yang timbul bukan sahaja mendapatkan teknologi baru, tetapi lebih penting ialah rakyat perlu mempunyai pengetahuan dan cara untuk memajukan teknologi itu.

Perdana Menteri juga menyeru rakyat supaya bersiap sedia untuk melaksanakan tanggungjawab yang lebih berat bagi menghadapi kemungkinan pemindahan urusan hal-ehwal dunia ke rantau ini.

Belliau berkata, tanda-tanda menunjukkan pusat urusan hal-ehwal dunia sedang bergerak ke dunia sebelah sini dan oleh itu, adalah wajar rakyat melengkapkan diri untuk memikul tanggungjawab yang berkaitan dengannya.

Sebagai satu keutamaan, katanya, sumber-sumber tenaga manusia di negara ini perlu dilatih dan dimajukan dengan segera.

"Kita juga perlu beralih dari terlalu bergantung kepada pengajian kemanusiaan kepada memasuki dunia sains dan teknologi yang semakin berkembang," tambahnya.

Katanya, tanpa kewibawaan dalam mana-mana pertubuhan, kerajaan atau sektor swasta, rasuah dan ketiadaan moral boleh menjalar dan menyebabkan keruntuhan.

Mengenai institut itu, belliau berkata, pengalaman dan pengetahuan ahli-ahli dari pelbagai bidang profesion dan perniagaan dapat digunakan untuk membantu mencapai matlamat Persyarikatan Malaysia dan Pengswastan serta memberi sumbangan kepada kejayaan rancangan-rancangan negara.

Dalam ucapannya itu, Perdana Menteri juga mengulangi bahawa dasar Pandang Ke Timur tidaklah bermakna hendak mengubah rakyat Malaysia menjadi orang Jepun atau memberi semua kontrak kepada orang Jepun dan Korea.

"Apa yang kita fikirkan ialah untuk menggalak rakyat Malaysia menerima amalan terbaik orang Jepun dan Korea dalam bidang pembangunan negara mereka yang lancar setelah keganasan Perang Dunia Kedua," kata Perdana Menteri.

"Hari ini, kedua negara itu kerap dianggap sebagai yang mencapai keadaan ekonomi yang ajaib. Kita perlu menerima corak pekerja, penguatkuasaan dan pengarah mereka bekerja yang disesuaikan bagi menembusi perdagangan antarabangsa," kata Perdana Menteri.